



TUANKU AISHAH ROHANI TENGGU BESAR MAHMUD (tengah) bersama Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz (empat dari kiri) dan Musa Ahmad (dua dari kiri) beramah mesra dengan penerima anugerah, Mohd. Taqwudin Mohd. Yazid (kiri) dan Amarul Arief Mohd. Suhalmi (tiga dari kiri) dalam Majlis Konvokesyen USIM Ke-13 di Dewan Besar USIM, Nilai, Negeri Sembilan, semalam. - MINGGUAN/ASWAD YAHYA

Serlahkan nama USIM - Canselor

Oleh NAZARUDIN SHAHARI

utusanN9@utusan.com.my

■ SEREMBAN 7 NOV.

PARA graduan digesa menyerlahkan nama baik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam apa juga bidang yang diceburi sebagai bukti mereka menghargai ilmu pengetahuan yang diperoleh semasa menuntut di mana gading itu.

Canselor USIM, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud bertitah, ilmu pengetahuan itu sepatutnya dikongsi dan dikembalikan semula dalam bentuk nilai tambah kepakaran dan kemahiran yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara.

Baginda yang juga Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan bertitah, para graduan itu adalah duta USIM yang membawa identiti dan nama baik universiti sebaik saja melangkah keluar dengan berbekalkan ijazah yang baharu diperoleh.

"Dengan semangat dan idealisme yang terbentuk kukuh, para graduan mampu menjadi pelopor atau pendukung perubahan. Graduan dan alumni USIM seharusnya tidak pudar semangat dan nilai idealismenya oleh perjalanan masa.

"Semangat juang anda tidak harus dengan mudah digantikan dengan nilai negatif yang bakal



mengaburi mata hati apabila anda sudah memiliki kedudukan, kuasa dan upaya membuat keputusan.

"Ingatlah, sebahagian besar daripada biaya pendidikan datangnya daripada masyarakat. Justeru berbaktilah dengan menjunjung nilai integriti, kebenaran dan keadilan," titah baginda.

Baginda bertitah demikian dalam istiadat pembukaan Majlis Konvokesyen USIM Ke-13 di Dewan Besar USIM, Nilai di sini hari ini.

Yang turut hadir Pro-Canselor USIM, Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz; Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin; dan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Tuanku Aishah Rohani bertitah, menerusi gabungan kompetensi dengan nilai integriti dan pengabdian, maka tercermin makna ke-

luhan budi pada diri para graduan berkenaan yang sedang membawa panji-panji USIM serta nama baik ibu bapa dan mereka sendiri.

"Bertekadlah untuk menjadi anak yang berbakti, rakyat yang bermanfaat dan pemimpin yang menjunjung nilai murni, demi menyebarkan kesejahteraan dalam kehidupan.

"Contohnya resmi padi yang semakin berisi semakin ia tunduk ke bumi dengan tidak sesekali meninggi diri dengan ilmu, kedudukan mahu pun harta yang ada kerana ular menyusur akar tidak akan pernah hilang bisanya," titah baginda.

Sementara itu, Musa berkata, pada majlis konvokesyen kali ini, seramai 2,502 orang graduan dianugerahkan ijazah iaitu 2,296 orang di peringkat sarjana muda, diploma siswazah (30), sarjana (142) dan ijazah doktor falsafah (34).

Katanya, ia merupakan angka

tertinggi bagi jumlah graduan yang berjaya dilahirkan sejak USIM ditubuhkan pada tahun 2000.

"Pada majlis konvokesyen ini juga, USIM mengeluarkan 10 orang graduan perintis daripada program Sarjana Muda Sains Senibina, Fakulti Sains dan Teknologi.

"Di samping itu, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) juga melahirkan graduan perintis daripada tiga program baharunya iaitu Program Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan kepujian (PPG), Program Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan kepujian (Pendidikan Islam) (PPG) dan Program Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kejujian (Bahasa Inggeris) (PPG)," katanya.

Dalam majlis itu, Tuanku Aishah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pendidikan kepada Presiden Universiti Islam Malaysia, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor; Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman kepada bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Tun Azmi dan Profesor Emeritus kepada Profesor Datuk Dr. Wan Mohamad Nasir Wan Othman yang juga bekas Dekan Pertama Fakulti Perguruan USIM.

Majlis konvokesyen turut dimeriahkan dengan penganjuran Pesta Konvo di tapak Kompleks Sukan Tunku Najihah yang telah bermula semalam.